



16 November 2016
16 November 2016
P.U. (A) 294

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE

**PERATURAN-PERATURAN KASTAM
(PINDAAN) (NO. 5) 2016**

CUSTOMS (AMENDMENT) (NO. 5) REGULATIONS 2016



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KASTAM 1967

PERATURAN-PERATURAN KASTAM (PINDAAN) (NO. 5) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 142 Akta Kastam 1967 [*Akta 235*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kastam (Pindaan) (No. 5) 2016.**

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 17 November 2016.

Peraturan baharu 15A

2. Peraturan-Peraturan Kastam 1977 [P.U. (A) 162/1977] dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 15 peraturan yang berikut:

“Pengeksportan rokok atau liquor yang memabukkan yang belum dibayar duti dari Labuan, Langkawi atau Tioman

15A. (1) Tiada rokok atau liquor yang memabukkan yang belum dibayar duti boleh dieksport melalui laut dari Labuan, Langkawi atau Tioman ke suatu tempat lain di luar Malaysia melainkan jika—

- (a) pemunya rokok atau liquor yang memabukkan itu atau agennya telah mengemukakan kepada pegawai kastam yang hak di tempat eksport borang Kastam No. 2 dalam Jadual Kedua;
- (b) rokok atau liquor yang memabukkan itu dipindahkan dalam kontena ISO; dan
- (c) rokok atau liquor yang memabukkan itu dimuatkan atau diangkut melalui air untuk dikapalkan untuk diangkut di bawah penyeliaan atau arahan pegawai kastam yang hak.